

BAB IV

HASIL KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Di dalam bab ini pengkaji akan memperjelaskan tentang kedapatan kajian atau hasil kajian. Pada peringkat awalnya pengkaji akan melakukan penilaian kepada pra-analisis di mana mengandungi data demografi, statistik deskriptif, di mana mungkin terdapat kesilapan semasa kemasukan data ke dalam sistem SPSS. Walau bagaimanapun ujian kenormalan tetap dilakukan terhadap semua pembolehubah. Sebagai tambahan, faktor analisis juga akan dibuat ujian untuk melihat kumulatif item dalam kumpulan dan reliabiliti terhadap pembolehubah. Peringkat ke dua pula analisis '*bivariate*' korelasi akan dianalisis dan ditafsirkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Manakala pada peringkat ke tiga, Analisis Multivariate akan digunakan dalam membuat penilaian ke atas perhubungan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah tetap. Pada peringkat akhir hipotesis akan dikaji untuk mendapatkan hubungan.

4.2 PRA - ANALISIS

Soal selidik ini telah diedarkan kepada 500 anggota TDM yang berkhidmat di beberapa pasukan di kawasan bandar iaitu di sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor. Sejumlah 500 soal selidik telah diedarkan, namun hanya 379 sampel borang soal selidik yang telah dijawab dengan sempurna dan boleh digunakan bagi mendapatkan datas. Manakala 121 soal selidik lagi tidak dijawab dengan lengkap. Pengkaji telah berusaha menerangkan dengan

terperinci kepada anggota-anggota yang terlibat berkenaan tatacara dan keperluan soalan agar mereka lebih jelas di dalam menjawab setiap soalan yang ditadbirkan. Amnya, hasil daripada sesi tersebut semua anggota TDM yang terlibat telah memberikan kerjasama yang baik ketika menjawab semua soal selidik yang diberikan. Namun demikian apabila semakan dibuat, sebanyak 121 soal selidik tidak dijawab dengan lengkap. Pengkaji mentafsirkan, hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh sikap anggota yang mengambil mudah serta kurang rasa tanggungjawab ke atas keperluan kajian yang hendak dilaksanakan. Dengan jumlah 379 ini, pengkaji telah memenuhi saranan Krejcie dan Morgan (1970), yang menyarankan jumlah sampel kajian yang wajar adalah terdiri daripada 370 anggota tentera bagi populasi 10,000 orang.

Ini bermakna tiada masalah pada peringkat sesi ini dan ini juga memudahkan pengkaji untuk memasukkan data ke dalam SPSS. Kesimpulannya tidak terdapat sebarang kod nilai yang hilang (missing values coded) yang tersisih dari menjawab soal selidik. Data-data yang dimasukkan telah diperiksa dan tidak terdapat sebarang kesilapan (error) semasa kemasukan data ke dalam jadual frekuensi (frequency table). Jumlah yang dihasilkan (output) betul dan memaparkan banjaran (range) 1 hingga 5 seperti yang dikehendaki. Ini bermakna didapati bahawa tidak terdapat sebarang kesilapan semasa proses kemasukan data.


4.3 PENGUKURAN PEMBOLEHUBAH

Semua pembolehubah telah diuji kesahannya yang didapati hasil daripada soal selidik melalui semua item yang mewakili pembolehubah. Semua item telah diukur dengan mengikut skala yang tertentu seperti yang ditetapkan mengikut prosedur penganalisan. Semua pembolehubah samada pembolehubah demografi dan pembolehubah yang lain perlulah dilihat *mean* dan *standard deviation* bagi menentukan kesahannya. Keputusan daripada pengukuran yang telah dibuat terhadap semua pembolehubah dapat dipaparkan dalam bentuk diskriptif seperti yang akan dinyatakan.

4.3.1 Profil Responden

Pengkaji telah pergi ke kem-kem di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor. Lima kem tentera telah bersetuju untuk memberi kerjasama seperti yang dinyatakan dalam Bab III. Ke lima-lima kem tentera tersebut telah bersedia dan seterusnya menyediakan tempat untuk pengkaji mengadakan sesi temuduga dan seterusnya mengedarkan soal selidik kepada responden yang telah dikenalpasti. Hasil daripada sesi tersebut, pengkaji telah mendapati dan pecahan responden dapat dibuat dengan baik. Pecahan demografi responden adalah seperti yang dipaparkan di Rajah 4.1.

Jadual 4.1
Pecahan Tempat Kajian



4.3.2 Pengukuran Profil Demografi

Dalam seksyen ini adalah untuk menganalisis tentang taburan demografi responden seperti pangkat, tempoh berkhidmat, jawatan, umur, jantina, status perkahwinan, kelulusan akademik dan etnik yang mungkin kemudiannya boleh memberikan gambaran tentang responden yang diambil. Taburan demografi responden adalah penting dalam kajian ini kerana mungkin pada kemudiannya boleh menjadi salah satu faktor yang dapat mempengaruhi hasil kajian yang dibuat terhadap penyalahgunaan dadah. Deskriptif taburan data bagi profil demografi responden pula menerangkan secara kasar profil para sampel kajian yang dikaji.

4.3.2.1 Taburan Responden Mengikut Pangkat

Jadual 4.2

		kekerapan	Peratus (%)
Pangkat	Pbt/Tpr/Kfn	325	85.8
	LKpl	9	2.4
	Kpl	45	11.9
	Jumlah	379	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut pangkat. Responden terdiri daripada anggota Lain-Lain Pangkat dengan anggota berpangkat Koperal ke bawah. Dapat dilihat melalui jadual ini bahawa peratus paling tinggi adalah Prebet setaraf iaitu 85.8 % diikuti oleh Koperal iaitu 11.9 % dan LKpl sebanyak 2.4 %.

4.3.2.2 Taburan Responden Mengikut Tempoh Berkhidmat

Jadual 4.3

		Kekerapan	Peratus (%)
Tempoh Berkhidmat	Kurang 1 tahun	54	14.2
	1-3 tahun	181	47.8
	4-7 tahun	90	23.7
	8-10 tahun	9	2.4
	Lebih 10 tahun	45	11.9
	Jumlah	379	100.0

Jadual 4.3 mempamerkan taburan responden mengikut tempoh berkhidmat. Responden di kalangan anggota yang telah berkhidmat di antara satu hingga tiga tahun adalah mewakili responden yang paling ramai iaitu seramai 181 anggota

(47.8%). Responden yang sedang berkhidmat di antara empat hingga tujuh tahun mewakili 90 anggota iaitu 23.7%. Responden yang sedang berkhidmat kurang daripada satu tahun mewakili 54 anggota iaitu 14,2%. Responden yang telah berkhidmat di antara lapan hingga sepuluh tahun adalah yang paling sedikit mewakili responden seramai 9 responden iaitu 2.4%. Responden yang berkhidmat lebih dari 10 tahun adalah seramai 45 orang anggota iaitu 11.9%.

4.3.2.3 Taburan Responden Mengikut Pendapatan

Jadual 4.4

		Kekerapan	Peratus (%)
Pendapatan	RM 500 ke bawah	9	2.4
	RM 701-900	136	35.9
	RM 901-1100	81	21.4
	RM1101-1300	81	21.4
	RM1301-1500	18	4.7
	RM 1501 dan ke atas	54	14.2
	Jumlah	379	100.0

Taburan responden mengikut pendapatan adalah seperti di Jadual 4.4. Peratus nilai pendapatan yang paling tinggi adalah di antara RM 701 hingga RM 900, iaitu sebanyak 35.9%. Pendapatan yang kedua tertinggi adalah RM 1501 dan ke atas iaitu seramai 54 anggota. Bilangan anggota bagi pendapatan RM 901 hingga RM 1100 dan RM 1101 hingga RM 1300 adalah

seramai 81 orang anggota (21.4 %). Manakala bilangan anggota hanya 9 anggota adalah terdiri dari mereka yang mempunyai pendapatan RM 500 dan ke bawah manakala 18 anggota mendapat pendapatan sebanyak RM 1501 hingga RM 1500 (4.7%).

4.3.2.4 Taburan Responden Mengikut Umur

Jadual 4.5

		Kekerapan	Peratus (%)
Umur	20 tahun	9	2.4
	21 tahun	63	16.6
	22 tahun	63	16.6
	23 tahun	45	11.9
	24 tahun	63	16.6
	25 tahun dan ke atas	136	35.9
	Jumlah	379	100.0

Jadual 4.5 mempamekan taburan responden mengikut umur . Responden yang berumur di antara 20 tahun adalah yang paling sedikit iaitu seramai 9 anggota (2.4%). Sampel yang paling ramai adalah yang berumur 25 tahun ke atas iaitu seramai 136 anggota (35.9%). Manakala anggota yang berumur 21, 22 dan 24 tahun adalah seramai 63 (16.6% mengikut setiap kategori)

4.3.2.5 Taburan Responden Mengikut Jantina

Jadual 4.6

		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	379	81.5
	Wanita	-	-
	Jumlah	379	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan taburan responden mengikut jantina, iaitu responden lelaki adalah seramai 379 (100%).

4.3.2.6 Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan

Jadual 4.7

		Kekerapan	Peratus (%)
Status Perkahwinan	Bujang	235	62.0
	Kahwin	144	38.0
	Jumlah	379	100.0

Jadual 4.7 mempamerkan taburan responden mengikut status perkahwinan. Responden yang berkahwin adalah kurang iaitu seramai 144 orang anggota (38%). Sampel kajian menunjukkan bahawa bilangan anggota yang bujang adalah seramai 235 anggota (62%).

4.3.2.7 Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik

Jadual 4.8

		Kekerapan	Peratus
Kelulusan Akademik	PMR/SRP	154	40.6
	SPM/SPVM	198	52.2
	STPM	18	4.7
	Diploma dan Lain-lain	9	2.4
	Jumlah	379	100.0

Jadual 4.8 menunjukkan taburan responden mengikut kelulusan akademik. Responden yang mempunyai kelulusan SPM dan setaraf adalah mewakili responden yang paling ramai iaitu seramai 198 anggota (52.2%). Manakala bagi responden yang memiliki PMR, STPM dan Diploma serta lain adalah seramai 154 anggota iaitu mewakili 40.6% dan 9 anggota sahaja iaitu mewakili 2.4%. Pemilikan taraf pendidikan di tahap SPM/SPVM ini adalah ramai, ini disebabkan ramai anggota yang menceburi bidang ketenteraan adalah mereka habis belajar pada peringkat sekolah menengah.

4.3.2.8 Taburan Responden Mengikut Etnik

Jadual 4.9

		Kekerapan	Peratus (%)
Etnik	Melayu	316	83.4
	Cina	9	2.4
	Lain-Lain	54	14.2
	Jumlah	379	100.0

Jadual 4.9 menunjukkan taburan responden mengikut kategori etnik. Responden di kalangan etnik Melayu dalam organisasi dalam TDM adalah mewakili responden yang paling ramai. Dapat dilihat dalam rajah tersebut responden etnik Melayu seramai 316 responden iaitu 83.4%. Manakala bagi responden di kalangan etnik Cina adalah yang paling sedikit mewakili responden seramai 9 responden iaitu 2.4%. Seramai 54 responden beretnik lain-lain mewakili 14.2%.

4.3.3 Pengukuran Pembolehubah

Keputusan daripada pengukuran yang telah dibuat terhadap semua pembolehubah iaitu faktor kewangan, tekanan kerja, keadaan sekeliling dan keluarga ke atas penyalahgunaan dadah di kalangan anggota TDM. Melalui data diskriptif ini, kita dapat melihat mean, sisihan piawai dan varians bagi tiap-tiap faktor yang mempengaruhi masalah penyalahgunaan dadah tersebut. Jadual 4.10 menunjukkan data mean, varians dan sisihan piawai setiap faktor tersebut.

Jadual 4.10

	Kewangan	Tekanan	Keadaan Sekeliling	Keluarga
N	379	379	379	379
Mean	0.8931	0.7968	0.9340	1.9340
Std. Deviation	.20524	.31013	.17329	.17329
Variance	.042	.096	.030	.030

4.3.3.1 Pengukuran Pembolehubah Faktor Kewangan

Nilai mean bagi faktor kewangan adalah 0.8931 iaitu berada dalam lingkungan 'ya'. Ini bermaksud majoriti responden mengatakan bahawa masalah penyalahgunaan dadah berpunca dari faktor kewangan. Dengan ini, dapat diringkaskan bahawa masalah kewangan responden menyebabkan mereka melakukan kesalahan disiplin yang boleh membabitkan dadah. Faktor ini mempunyai nilai sisihan piawai 0.20524 dan nilai varians 0.042.

4.3.3.2 Pengukuran Pembolehubah Faktor Tekanan Kerja

Nilai mean bagi faktor kewangan adalah 0.7968 iaitu berada dalam lingkungan 'ya'. Ini bermaksud ramai responden mengatakan bahawa masalah disiplin berpunca dari faktor tekanan kerja di tempat kerja. Dengan ini, dapat diringkaskan bahawa faktor tekanan kerja responden turut menyumbang kepada masalah disiplin yang boleh membabitkan dadah. Faktor ini mempunyai nilai sisihan piawai 0.31013 dan nilai varians 0.096.

4.3.3.3 Pengukuran Pembolehubah Faktor Keadaan Sekeliling

Nilai mean bagi faktor keadaan sekeliling adalah 0.9340 iaitu berada dalam lingkungan 'ya'. Ini bermaksud majoriti responden mengatakan bahawa masalah disiplin berpunca dari faktor keadaan sekeliling mereka sendiri seperti pengaruh persekitaran, pergaulan dan masyarakat setempat. Dapat diringkaskan bahawa keadaan sekeliling para responden turut mempengaruhi cara hidup hingga mengakibatkan mereka melakukan pelbagai masalah disiplin hingga terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Faktor ini mempunyai nilai sisihan piawai 0.1732 dan nilai varians 0.030.

4.3.3.4 Pengukuran Pembolehubah Faktor Keluarga

Nilai mean bagi faktor keluarga adalah iaitu 1.934 berada dalam lingkungan 'tidak'. Ini bermaksud majoriti responden mengatakan bahawa masalah disiplin tidak berpunca dari faktor keluarga mereka sendiri. Dengan ini, dapat diringkaskan bahawa hubungan keluarga responden tidak menyebabkan mereka melakukan pelbagai kesalahan disiplin hingga terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Faktor ini mempunyai nilai sisihan piawai 0.1732 dan nilai varians 0.030.

4.4 ANALISA FAKTOR (FACTOR ANALYSIS)

Bagi memperkukuhkan lagi item di dalam setiap pembolehubah, analisis faktor diperlukan untuk melihat item mana dalam setiap pembolehubah yang boleh diringkaskan tetapi tidak menjejaskan pembolehubah berkenaan. Menurut Sheridan Coakes dan Lyndall Steed (2007) analisis faktor adalah untuk mengurangkan item yang agak samar dan mengekalkan item yang penting dan utama dalam menyokong setiap pembolehubah. Selain dari itu kepada item yang mungkin sama berulang atau mempunyai maksud yang sama tetapi berlainan soalan boleh dilihat dan dikategorikan di dalam analisis faktor ini.

Analisis faktor perlu dilaksanakan untuk melihat kesesuaian dan relevan di dalam suasana TDM. Selain dari itu juga kemungkinan bahasa yang digunakan dalam membina soalan terdapat maksud yang berbeza dari soalan sebenar yang digunakan dalam model '*Technology Mooney Problem Check List*' (Mooney dan Gordon, 1950). Menurut kenyataan yang diberikan oleh Bryman dan Cramer, (2001) analisis ini membolehkan kita menilai kesahan pemfaktoran ke atas soalan dan memberikan gambaran sebenar tentang pengukuran soalan dalam konsep yang sama.

Terlebih dahulu sebelum analisis faktor dilaksanakan, pengukuran '*Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)*' sudah memadai terhadap kajian manakala ujian '*Bartlett's*' untuk melihat samada kajian yang dijalankan memberi keyakinan untuk kajian atau ujian yang seterusnya. Sungguhpun demikian, ujian '*Bartlett's*' dan '*Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)*' digunakan untuk mengukur setiap item di dalam

pembolehubah yang digunakan. Kajian ini juga dapat melihat atau memeriksa dalam kajian ini ke atas '*matrix correlation*' di antara keempat-empat pembolehubah bertahan iaitu *kewangan,tekanan kerja,keadaan sekeliling dan keluarga*.

'*Bartlett's test of sphericity*' menunjukkan signifikan terhadap keempat-empat pembolehubah. Pembolehubah dikira signifikan sekiranya nilai 'p' menunjukkan kurang daripada 0.05 ($p < 0.05$). Manakala KMO dapat mengukur item dengan nilai yang baik sekiranya melebihi nilai 0.8. Kaiser-Meyer-Olkin (1970) mencadangkan bahawa nilai yang tidak boleh diterima dalam statistik KMO sekiranya di bawah nilai 0.5, di mana ujian seterusnya tidak dapat dilakukan. KMO juga mencadangkan nilai seperti berikut:

- Nilai 0.5 hingga 0.7 - Sederhana.
- Nilai 0.71 hingga 0.8 - Baik.
- Nilai 0.81 hingga 0.9 - Sangat Baik.
- Nilai >0.9 - Teramat Baik.

Dalam kajian ini keputusan yang telah diperolehi adalah berada di tahap hampir kepada nilai 0.9. Ini menunjukkan bahawa faktor analisis boleh dijalankan atau dilaksanakan dengan yakin. Pada prinsipnya komponen analisis dengan '*varimax rotation test*' telah dilaksanakan dengan berpandukan kepada faktor '*loading*' dari 0.05 dan nilai '*Eigen*' melebihi 1. Hasil ujian yang telah dijalankan terdapat beberapa item di dalam pembolehubah terpaksa dibuang dengan mengikut komponen pada tiap-tiap pembolehubah. Untuk

membuang item di dalam pembolehubah pengkaji melihat kepada '*Rotated Component Matrix*' dan ini bermakna komponen metrik telah diuji sebanyak dua kali. Item-item yang dibuang dalam setiap komponen pada pembolehubah adalah seperti berikut:

Pembolehubah Kewangan

KMO and Bartlett's Test

Jadual 4.11

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.606
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	87.601
	df	45
	Sig.	.000

Jumlah item yang terdapat dalam pembolehubah adalah 10 item. Nilai KMO yang diperolehi adalah 0.606. Terdapat dua item yang di buang kerana mempunyai nilai KMO yang lebih rendah dari 0.5. Item tersebut adalah '*mengalami kekurangan wang di dalam penugasan harian dan terlalu sikit wang untuk rekreasi dan beriadah*'.

Pembolehubah Tekanan Kerja

KMO and Bartlett's Test

Jadual 4.12

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.656
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	100.78
	df	45
	Sig.	.012

Jumlah item yang terdapat dalam pembolehubah adalah 10, item yang dibuang adalah 1 iaitu '*Tidak dapat melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan*'. Maka item ini adalah item yang lemah untuk dijadikan item faktor bagi faktor tekanan. Nilai KMO bagi item faktor ini adalah 0.656.

Pembolehubah Keadaan Sekeliling

KMO and Bartlett's Test

Jadual 4.13

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.778
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	123.42
	df	45
	Sig.	.004

Jumlah item yang terdapat dalam pembolehubah adalah 12, item yang dibuang adalah 3 iaitu '*teman wanita selalu mengajak untuk keluar berjalan-jalan, pusat hiburan yang terlalu banyak dan keadaan kawasan kem yang membosankan*' kerana mempunyai nilai KMO adalah di bawah 0.5.

Pembolehubah Keluarga

KMO and Bartlett's Test

Jadual 4.14

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.890
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	56.78
	df	45
	Sig.	0.03

Nilai KMO bagi item-item dalam faktor keluarga adalah 0.890. Jumlah item yang terdapat dalam pembolehubah adalah 25, item yang dibuang adalah 2 iaitu '*anak tunggal*' dan '*rasa marah dengan tabiat-tabiat salah seorang ahli keluarga saya*', di mana statistik KMO adalah di bawah nilai 0.5.

4.5 Ujian Kebolehpercayaan (Reliability Test)

Setiap soal selidik yang hendak ditabirkan kepada responden hendaklah diuji terlebih dahulu liabilitinya. Justeru itu pengkaji telah membuat ujian liabiliti terhadap semua item di dalam setiap pembolehubah. Untuk melihat liabiliti terhadap semua soal selidik yang ditabirkan, pengkaji telah membuat ujian liabiliti iaitu '*Cronbach's Alpha*'. Hasil daripada ujian tersebut mendapati bahawa semua pembolehubah dapat melepasi standard julat '*Cronbach's Alpha*' yang melebihi 0.7, iaitu nilai pekali kebolehpercayaan yang melebihi 0.7 dianggap sebagai mencukupi (Nunnally, 1978).

Jadual 4.15

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.842	.851	48

Jadual 4.15 menunjukkan kebolehpercayaan item bagi semua faktor yang digunakan dalam kertas borang soal selidik bagi mengkaji kajian ini. Kita boleh lihat jadual ini menunjukkan nilai Cronbach's Alpha adalah 0.842 dan piawaiannya adalah 0.851.

Jadual 4.16

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.729	.714	48

Jadual 4.16 menunjukkan kebolehpercayaan item bagi faktor kewangan yang digunakan dalam kertas borang soal selidik bagi mengkaji kajian ini. Kita boleh lihat jadual ini menunjukkan nilai Cronbach's Alpha adalah 0.729 dan piawaiannya adalah 0.714 .

Jadual 4.17

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.752	.755	9

Jadual 4.17 menunjukkan kebolehpercayaan item bagi faktor tekanan kerja yang digunakan dalam kertas borang soal selidik bagi mengkaji kajian ini. Kita boleh lihat jadual ini menunjukkan nilai Cronbach's Alpha adalah 0.752 dan piawaiannya adalah 0.755 .

Jadual 4.18

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.812	.822	9

Jadual 4.18 menunjukkan kebolehpercayaan item bagi faktor sosial atau keadaan sekeliling yang digunakan dalam kertas borang soal selidik bagi mengkaji kajian ini. Kita boleh lihat jadual ini menunjukkan nilai Cronbach's Alpha adalah 0.812 dan piawaiannya adalah 0.822.

Jadual 4.19

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.900	.912	23

Jadual 4.19 menunjukkan kebolehpercayaan item bagi faktor keluarga yang digunakan dalam kertas borang soal selidik bagi mengkaji kajian ini. Kita boleh

lihat jadual ini menunjukkan nilai Cronbach's Alpha adalah 0.9 dan piawaiannya adalah 0.912. Nilai kebolehpercayaan adalah tinggi.

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah setiap soalan dalam soal selidik yang diedarkan kepada responden adalah relevan. Ini jelas bahawa setiap soalan dan jawapan yang dihasilkan adalah difahami oleh setiap responden. Ini dapat dibuktikan bahawa setiap pembolehubah mempunyai skor ujian liabiliti '*Cronbach Alpha*' adalah tidak kurang dari .700 seperti yang ditetapkan dalam standard ujian liabiliti. Ini bererti item amat padan (adequate) skalanya dan adalah skala yang baik. Dalam kajian ini pengkaji telah mempunyai skala yang baik untuk analisis data.

4.6 ANALISIS BIVARIATE

Analisis Bivariate adalah ujian yang akan dilaksanakan untuk melihat hubungan kait antara pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Selain dari itu analisis ini juga boleh melihat pengaruh atau meramal beberapa pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Beberapa ujian dapat dilaksanakan dalam kajian ini. Perkara ini akan diperjelaskan dalam ujian yang akan dilaksanakan.

4.6.1 Ujian Korelasi

Korelasi yang dilaksanakan untuk melihat perhubungan (relationships) antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bertahan. Ujian

ini juga adalah untuk meninjau dan untuk menjawab hipotesis dalam kajian ini seperti yang diterangkan dalam Bab III. Analisis yang dijalankan adalah ujian korelasi '*Pearson r*' kerana taburan data didapati adalah normal kepada kesemua pembolehubah. Analisis ini adalah untuk melihat hubungan di antara tiap-tiap pembolehubah bertahan dengan pembolehubah bersandar. Dalam jadual korelasi terpapar '*Pearson r*, '*coefficients*', '*significance values*' dan '*number of cases with non-missing values (N)*'.

Dalam ujian ini, nilai korelasi adalah di antara lingkungan -1 hingga 1. Untuk membuktikan bahawa terdapat hubungan korelasi, skor akan bertanda sama ada '+' atau '-'. Dalam hal ini nilai mutlak terhadap korelasi bermakna adalah kukuh perhubungannya antara setiap pembolehubah. Nilai korelasi paling besar '*diagonal*' adalah sentiasa 1 kerana setiap pembolehubah mempunyai nilai '*positive linear*' yang kukuh terhadap hubungannya. Sama ada signifikan atau sebaliknya pada setiap hubungan korelasi juga dipaparkan di dalam jadual di bawah. Nilai tahap signifikan atau nilai '*p*' kemungkinan adalah menunjukkan keputusan yang sangat baik dalam hubungan. Nilai '*p*' hendaklah tidak melebihi 0.05.

Dalam kajian ini hubungan korelasi adalah untuk melihat samada pembolehubah bertahan mempunyai hubungan yang signifikan atau sebaliknya terhadap pembolehubah bersandar.

Jadual 4.20

		Penyalahgunaan Dadah	Kewangan	Keadaan Sekeliling	Tekanan Kerja
Penyalahgunaan Dadah	Pearson Correlation	1			
	Sig. (2-tailed)	.	.		
Kewangan	Pearson Correlation	0.865	1		
	Sig. (2-tailed)	0.032	.		
Keadaan Sekeliling	Pearson Correlation	0.754	.062	1	
	Sig. (2-tailed)	0.001	.231	.	
Keluarga	Pearson Correlation	0.882	.062	1.000(**)	
	Sig. (2-tailed)		.231	.	.
Tekanan kerja	Pearson Correlation	0.866	.219(**)	-.016	1
	Sig. (2-tailed)	0.012	.000	.753	.

Hasil kajian dalam Jadual 4.20 menunjukkan bahawa semua pembolehubah bertahan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembolehubah bersandar. Berikut adalah hasil kajian yang akan menjawab semua hipotesis yang dijelaskan dalam Bab III.

Hipotesis Satu. Terdapat perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor kewangan

Jadual 4.21

Correlations

		Kewangan
Penyalahgunaan Dadah	Pearson Correlation, r	.0.865
	Sig. (2-tailed)	0.032
	N	379

Hasil hipotesis ini jelas membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif signifikan di antara pembolehubah penyalahgunaan dadah dengan faktor kewangan. Nilai pekali pearson, r adalah 0.865 manakala nilai p ialah 0.032, iaitu lebih kecil dari 0.05 ($r = 0.865, p < .05$). Ini bermakna terdapat perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor kewangan. Perkara ini sememangnya berlaku di dalam TDM di mana budaya kehidupan yang mewah di luar kemampuan menyebabkan anggota terlibat dengan beban hutang sehinggakan terdapat kes anggota meminjam wang dari ceti haram dengan mencagarkan kad ATM mereka. Ini menyebabkan gaji mereka tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan bulanan keluarga seperti bayaran persekolahan anak-anak, kelas tambahan dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan mereka terlibat dengan 'kerjaya kedua' atau *moonlighting* selepas waktu bekerja. Secara keseluruhannya, pemasalahan kewangan sememangnya menyumbang kepada masalah disiplin.

Hipotesis Dua. Terdapat perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor tekanan kerja

Jadual 4.22

Correlations

		Tekanan
Penyalahgunaan dadah	Pearson Correlation	.0.866
	Sig. (2-tailed)	0.012
	N	379

Dalam kajian yang dilakukan, jelas bahawa terdapat perkaitan signifikan positif di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor tekanan kerja yang dihadapi oleh anggota TDM. Hal ini ditunjukkan oleh nilai kolerasi pearson yang tinggi iaitu 0.866 yang hampir kepada +1, manakala nilai signifikan,p adalah lebih kecil dari 0.05, iaitu 0.012. Secara kesimpulannya, kita dapat menyifatkan bahawa tekanan kerja menyebabkan anggota TDM melakukan pelbagai aktiviti yang menyalahi disiplin tentera hingga menjurus kepada penyalahgunaan dadah. Pengkaji percaya kejadian ini berlaku disebabkan berlakunya kelemahan organisasi, pengurusan yang tidak cekap dan kegagalan untuk melihat masalah anggota secara mikro.

Hipotesis Tiga. Terdapat perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan keadaan sekeliling

Jadual 4.23

Correlations

		Keadaan Sekeliling
Penyalahgunaan Dadah	Pearson Correlation	0.754
	Sig. (2-tailed)	0.001
	N	379

Hipotesis 3 ini diterima dan menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor sosial. Secara numerik, kita dapat melihat nilai pekali kolerasi Pearson, iaitu sebanyak 0.754 dan nilai signifikan adalah lebih kecil dari 0.05. ($r = .754$, $p < .05$). Pengkaji percaya keadaan sekeliling turut mempengaruhi anggota TDM di mana masyarakat setempat dilihat lebih maju dan selesa dari segi kehidupan seharian jika dibandingkan dengan corak penghidupan anggota tentera terutama di bandar-bandar. Perasaan ingin menyaingi dari segi kebendaan telah menyebabkan sebahagian anggota tentera cuba untuk mendapatkan pendapatan tambahan walaupun dengan jalan yang salah. Maka, pengaruh keadaan sekeliling terutamanya cara seseorang turut bersosial memberi impak kepada tahap disiplin individu tersebut.

Hipotesis Empat. Tidak terdapat perkaitan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor keluarga

Jadual 4.24

Correlations

		Keluarga
Penyalahgunaan Dadah	Pearson Correlation	.342
	Sig. (2-tailed)	.083
	N	379

Dalam kajian yang dilaksanakan hipotesis ini jelas terjawab dan boleh diterima bahawa terdapat hubungan yang negatif signifikan. Hal ini kerana nilai signifikan adalah lebih besar iaitu .342 dan nilai kolerasi pearson adalah 0.083 ($r = 0.342, p < 0.05$). Hipotesis ini menyatakan bahawa tidak terdapat pertalian ataupun hubungan di antara penyalahgunaan dadah dengan faktor keluarga. Pengkaji menilaikan keluarga adalah anugerah Allah dan membuat kita mengenal disiplin. Secara umumnya, faktor dalaman individu dan tahap jati diri seseorang anggota tentera itu sendiri merupakan faktor utama kepada penyumbang kepada penyalahgunaan dadah. Ianya juga dipercayai masalah pematuhan disiplin di kalangan anggota TDM adalah berpunca dari kurang pengetahuan atau pendidikan agama Islam.

4.7 REGRESI PERKALIAN (*MULTIPLE REGRESSION*)

Tujuan melaksanakan *Regresi Perkalian* adalah untuk melihat persamaan yang mewakili pembolehubah bertahan yang terbaik memberi ramalan terhadap pembolehubah bersandar. Dalam kajian ini pembolehubah bersandar adalah '*Penyalahgunaan Dadah*' manakala pembolehubah yang lain adalah sebagai pembolehubah bertahan. Hasil kajian regresi ini dapat ditunjukkan dalam jadual 4.25.

Jadual 4.25

Metrik Penyalahgunaan Dadah

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.025(a)	.0812	.817	.16712

a Predictors: (Constant) – Kewangan, Tekanan Kerja, Keadaan Sekeliling, Keluarga

Jadual menunjukkan bahawa jumlah ke empat-empat pembolehubah bertahan dapat memberi penerangan 81.7% variance (Adjusted R Square) terhadap '*Penyalahgunaan Dadah*' (R Square .812). Kesemua pembolehubah bertahan mempunyai korelasi yang kukuh kepada penerangan tentang kesannya kepada penyalahgunaan dadah kecuali pembolehubah keluarga di mana tidak signifikan dan secara langsung tidak dapat menerangkan atau meramalkan secara menyeluruh perkaitannya dengan kemerosotan disiplin tentera.

Jadual 4.26

Coefficients Faktor Penyalahgunaan Dadah

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	1.014	.126		8.022	.000
	Kewangan	.897	.043	.756	4.447	.000
	Tekanan Kerja	.757	.028	.688	2.026	.012
	Keadaan Sekeliling	.689	0.11	.571	1.562	.034
	Keluarga	.006	.050	.006	.119	.905

a Dependent Variable: Penyalahgunaan Dadah

Jadual di atas menerangkan bahawa hanya terdapat tiga pembolehubah bertahan mempunyai hubungan dan dapat menerangkan secara langsung signifikan antara '*predictors*' dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah yang dimaksudkan adalah pembolehubah faktor *Kewangan*, *Tekanan Kerja*, *Keadaan Sekeliling*, *Keluarga*. Manakala satu pembolehubah yang tidak signifikan adalah pembolehubah '*Keluarga*'.

Dalam kajian ini, nilai pembolehubah yang tidak signifikan iaitu faktor '*Keluarga*', boleh ditunjukkan dengan berpandukan nilai standard Beta yang rendah iaitu 0.006 dan nilai signifikan yang besar dari nilai alpha, iaitu 0.905 dan mempunyai nilai *t* iaitu 0.119. Nilai signifikan adalah lebih tinggi dari 0.05 dan menunjukkan hubungan yang negatif kepada pembolehubah bersandar. Oleh itu, faktor keluarga tidak mempengaruhi kemerosatan disiplin.

Nilai Beta yang tertinggi adalah '*Kewangan*' dengan '*Penyalahgunaan Dadah*'. Ini menunjukkan bahawa pembolehubah '*Kewangan*' mempunyai impak yang kukuh jika dibandingkan dengan pembolehubah bertahan yang lain dalam kajian ini. Nilai Beta yang tertinggi adalah '*Kewangan*' di mana nilai Beta = .756.

4.8 KESAHAN HIPOTESIS

Seperti yang telah diterangkan berkenaan pembinaan hipotesis di dalam Bab III di mana rangka teoritikal mengandungi empat pembolehubah. Hasil kajian yang telah dilakukan terhadap kesemua pembolehubah adalah tidak semua terdapat hubungan yang signifikan apabila analisis dilakukan dalam analisis '*bivariate*'. Ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan dadah amat bergantung kepada faktor sekeliling dan harian setiap individu serta prinsip dan cara didikan awal. Keempat-empat hipotesis yang telah di rangka terjawab dengan hasil dari kajian yang telah dibuat.

Bagi memudahkan penerangan kesahan hipotesis di atas hasil dapat diringkaskan seperti Jadual 4.27.

Jadual 4.27

Kesahan Hipotesis

Hipotesis	Pembolehubah Bertahan		Pembolehubah Bersandar	Keputusan
H1	KEWANGAN	→	PENYALAHGUNAAN DADAH	Diterima
H2	TEKANAN KERJA	→		Diterima
H3	KEADAAN SEKELILING	→		Diterima
H4	KELUARGA	→		Ditolak

4.9 KESIMPULAN

Dalam kesimpulan ini kita telah melihat hasil daripada keempat-empat pembolehubah bertahan iaitu *kewangan, tekanan kerja, keadaan sekeliling dan keluarga*. Secara amnya, kita dapat melihat bahawa faktor keluarga amat kurang memainkan peranan yang penting dalam penyalahgunaan dadah dan ia tidak menyebabkan seseorang itu melakukan pelanggaran disiplin.

Dalam Bab V, pengkaji akan menerangkan lebih terperinci samada segala hasil kajian yang telah dilaksanakan dapat menjawab objektif kajian atau tujuan asal kajian. Pengkaji juga akan menerangkan lebih lanjut lagi tentang syor atau pandangan serta pedoman untuk mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengatasi pemasalahan tersebut.